

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**SEMPENA**  
**ANUGERAH GEMILANG SISWA UNIMAP 2013**  
**20 MAC 2014 (KHAMIS)**  
**DEWAN KAPITOL, KANGAR**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom**, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan media,

Seterusnya anak-anak pelajar Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP.**

## **KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T di atas limpah Kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada malam Anugerah Gemilang Siswa 2013 ini bagi menghargai pencapaian mahasiswa UniMAP sepanjang tahun 2013 lalu.
2. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan tahniah yang tidak terhingga juga buat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni di bawah urus tadbir **Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof. Madya Dr. Mohd Foa'd Sakdan** kerana telah berjaya menjelmakan majlis AGS 2013 dalam bentuk dan acuan yang cukup hebat hasil dedikasi semua pegawai dan staf sokongan serta siswa siswi UniMAP secara keseluruhan.
3. Sesungguhnya usaha murni, iltizam yang tinggi dan penuh dedikasi yang ditunjukkan oleh semua pihak telah menzahirkan majlis Anugerah Gemilang Siswa 2013 pada malam ini dalam suasana yang cukup ceria dan meriah sekali. Tahniah sekali lagi buat semua.

Hadirin yang saya Hormati sekalian,

## **ANUGERAH GEMILANG SISWA 2013**

4. Anugerah Gemilang Siswa UniMAP ini merupakan satu majlis anugerah tahunan yang cukup istimewa dan berprestij serta amat bermakna buat semua pelajar dan UniMAP khususnya.
5. Majlis yang diadakan ini khusus untuk menghargai serta memberi pengiktirafan kepada anak-anak pelajar UniMAP yang aktif serta berjaya dalam menaikkan nama UniMAP di pelbagai peringkat samada di peringkat negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa dalam pelbagai bidang antaranya Sukan, Kebudayaan, Kesukarelawan, Kepimpinan, akademik, Inovasi dan Penyelidikan.

6. Saya difahamkan, majlis AGS 2013 pada malam ini bakal memperkenalkan beberapa kategori anugerah yang diubah mengikut keperluan dan kehendak seiring dengan keperluan **stakeholder** UniMAP. Sebanyak 11 kategori anugerah diperkenalkan yang melibatkan 129 penerima. Para penerima anugerah ini dipilih selepas melalui beberapa saringan di peringkat Pusat Pengajian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), pusat Sukan dan Pusat Ko-Kurikulum.
7. Selain itu kepada Pusat pengajian yang menghantar pelajar paling ramai pada malam ini iaitu lebih dari 50 orang akan menerima Anugerah Insentif diberikan berbentuk Grant program.
8. Malam semalam UniMAP juga telah menganjurkan Malam **Anugerah Seri Gemilang 2013** dalam usaha UniMAP meraikan staf yang cemerlang dan telah banyak menyumbangkan tenaga, idea ke arah kecemerlangan selama ini.
9. Pada malam ini juga akan dilaksanakan pemberian Anugerah Penghargaan kepada syarikat, orang perseorangan atau jabatan kerajaan yang banyak menyumbang kepada arus pembangunan pelajar di UniMAP yang dikenali sebagai Anugerah Khidmat Komuniti UniMAP. Saya mewakili UniMAP berasa sungguh terhutang budi dengan jasa dan sumbangan yang diberikan. Difahamkan antara bentuk-bentuk sumbangan yang diterima oleh UniMAP adalah dalam bentuk Sumbangan wang zakat, Khidmat nasihat dan perundingan, tajaan barangan, dan lain-lain. Sedar ataupun tidak dengan sumbangan-sumbangan seperti inilah aktiviti-aktiviti pelajar dapat dijalankan dengan lancar dan berjaya. Terima kasih sekali lagi buat semua pihak yang terlibat.

Hadirin sekalian,

### **PENCAPAIAN UniMAP**

10. Untuk makluman, terkini UniMAP muncul johan keseluruhan apabila berjaya meraih 15 pingat emas pada Malaysia Technology Expo (MTE) 2014 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). UniMAP juga turut meraih 11 perak dan 8 gangsa dari 35 produk yang dipertandingkan sekaligus meningkatkan prestasi UniMAP berbanding pada MTE 2013 yang meraih 7 emas, 10 perak dan 10 gangsa dari 27 produk.
11. Pada Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 yang dilangsungkan baru-baru ini UniMAP yang diwakili oleh para pelajar kita berjaya menempatkan diri di tangga keempat keseluruhan dengan pungutan 15 pingat emas, enam pingat perak dan lapan pingat gangsa. Walaupun kita ditewaskan oleh USM ditangga pertama, UPM ditempat kedua dan UiTM di tempat ketiga.
12. Sementara itu, UniMAP juga telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Kelulusan Pensijilan Tertinggi program 1 CiTiZEN anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Prestariang Sdn. Bhd.
13. UniMAP mengekalkan peratusan tertinggi selama dua tahun berturut-turut. UniMAP mendapat peratusan kelulusan pensijilan tertinggi sebanyak 85%, menewaskan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ditempat kedua dengan 78% dan Universiti Sains Malaysia (USM) di tempat ketiga dengan 77%.
14. Baru-baru ini UniMAP mendapat perkhabaran yang sangat menggembirakan apabila 13 program pengajian UniMAP telah mendapat akreditasi bagi tempoh 2 – 5 tahun bergantung kepada program pengajian. Sebelum ini UniMAP hanya mendapat maksimum akreditasi

sebanyak 3 tahun. Namun, apabila adanya program pengajian UniMAP yang mendapat akreditasi selama 5 tahun, ini membuktikan bahawa program pengajian UniMAP memenuhi kriteria akreditasi dan keperluan Panel EAC dan BEM. Manakala pengiktirafan dua (2) & tiga (3) tahun juga memenuhi kriteria dan keperluan EAC & BEM cuma sedikit penambahbaikan perlu dibuat bagi memenuhi kriteria penuh yang diperlukan.

15. Sebagai tambahan, ini menunjukkan UniMAP tiada mempunyai sebarang masalah dari segi pengiktirafan program yang dianjurkan dan menjalin hubungan baik dengan pihak MQA (Malaysia Qualification Agency/Agensi Kelayakan Malaysia), EAC (Engineering Accreditation Council/Majlis Akreditasi Kejuruteraan) dan BEM (Board of Engineers Malaysia/Lembaga Jurutera Malaysia). Oleh itu, para pelajar tidak perlu gusar atau sangsi untuk memilih UniMAP sebagai destinasi menimba ilmu.

Hadirin anak pelajar yang saya hormati sekalian,

### **KEARAH MELAHIRKAN MODAL INSAN BERKUALITI**

16. Setelah 12 tahun penubuhan UniMAP dengan pelbagai kejayaan telah diraih samada diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa, kita perlu terus mengorak langkah dalam menjayakan agenda besar pendidikan negara bagi menjana modal insan berkualiti yang akan menjadi pewaris kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan negara.
17. Sebagai Naib Canselor saya sentiasa akan memastikan anak-anak pelajar saya, bergraduasi dengan cemerlang dan menjadi modal insan berkualiti. Bagi melihat seseorang itu memiliki modal insan berkualiti beberapa aspek perlu dititik beratkan mencakupi;
  - i. Sahsiah diri

- ii. Kemahiran komunikasi
  - iii. Personaliti / Daya kepimpinan
  - iv. Pencapaian akademik
  - v. Pencapaian aktiviti kokurikulum
  - vi. Hubungan baik dengan masyarakat dll
18. Saya percaya sekiranya aspek yang saya sebutkan tadi dapat ditanamkan dalam diri anak-anak didik saya, Insyaallah semua pelajar yang dihasilkan UniMAP akan menjadi modal insan berkualiti seterusnya melahirkan golongan belia berminda kelas pertama. Sekaligus akan berjaya menangkis para pelajar untuk terjebak dengan gejala tidak sihat seperti vandalisme, penagihan dadah, salah laku, dan samseng.
19. Saya menyeru kepada anak pelajar agar jauhkan diri kita dari sikap kelas minda ketiga iaitu ***malas belajar, suka berlengah (procrastination), membuang masa, tiada berhemat, kerja sambil lewa, tidak bersemangat, leka dan sebagainya.***
20. Memang saya akui dan sedar, menjana modal insan dalam acuan kita sendiri dan pada masa yang sama gah dalam pentas global bukan suatu usaha dan proses yang mudah. Terlalu banyak cabaran dan usaha yang perlu kita laksanakan.
21. Namun begitu, ini tidak bermakna kita perlu berhenti dan berputus asa kerana sesungguhnya anak-anak pelajar layak mendapat yang terbaik. Inilah juga hasrat dan aspirasi universiti. Ibubapa anak-anak pelajar juga semestinya meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat kejayaan dan kecemerlangan anak-anak mereka. Justeru itu jangan alpa dan teruskan usaha untuk terus menggapai kejayaan.

22. Anak-anak pelajar harus bersiap siaga menghadapi arus cabaran dan persaingan yang amat getir di luar sana setelah menempuh alam pekerjaan. Cabaran dan persaingan yang dimaksudkan di sini ialah seperti yang dikatakan oleh **James Canton, CEO and Chairman, Institute for Global Futures**, terdapat **5** faktor yang akan menentukan masa depan yang penuh cabaran iaitu;

- i. **Kelajuan** perubahan yang tidak nampak, komprehensif skopnya dan akan menyentuh setiap aspek dalam kehidupan anda.
- ii. **Kerumitan** dan lonjakan yang berganda yang tidak berkaitan yang akan memberi kesan langsung ke atas segala-galanya daripada gaya hidup bekerja untuk keselamatan peribadi dan negara.
- iii. **Risiko** yang tinggi dan lebih kepada ancaman keganasan kepada jenayah dan pergolakan ekonomi global yang mengubah setiap aspek kehidupan anda.
- iv. **Perubahan** dan pelarasan yang drastik dalam kerja anda, masyarakat dan hubungan persekitaran memaksa anda untuk menyesuaikan diri dengan cepat kepada perubahan radikal.
- v. **Kejut**an yang bakal berlaku yang kadang kala baik, kadang kala sukar untuk dibayangkan yang akan menjadi salah satu ciri hidup seharian anda yang mencabar emosi, mental dan fizikal kita dimasa akan datang

23. Persaingan ini bukan sahaja akan mencabar mental dan fizikal anak-anak malah mampu memberikan kesan buat jangka masa panjang sekiranya tiada persediaan yang sewajarnya dibuat.

Hadirin anak-anak pelajar sekalian,

24. Kejayaan anak-anak pelajar UniMAP di arena pentas luar sememangnya amatlah membanggakan. Kehebatan UniMAP dalam pelbagai bidang amatlah disegani serta menjadi contoh di kalangan IPT-IPT lain di luar sana. Sewajarnya kecemerlangan dan kegemilangan ini harus dipertahankan oleh anak-anak sekalian di masa-masa akan datang.
25. Anugerah pada malam ini sebenarnya hanya sebagai satu bentuk penghargaan dan galakan kerana keterlibatan anak-anak sekalian secara sukarela merupakan salah satu ramuan penting untuk anak-anak bersaing di pasaran kerja kelak.

#### **PELANCARAN ELECTRONIC GUARANTEE LETTER (EGL)**

26. Pada malam ini juga saya difahamkan bahawa satu majlis pelancaran sistem '***Electronic Guarantee Letter (EGL)***' akan diadakan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.
27. Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan proses Pengesahan Pelajar UniMAP melakukan pendaftaran masuk dan Keluar Hospital. Saya melihat sistem ini sebagai satu perkara yang cukup baik dan amat menepati keperluan dengan penambahan perkhidmatan kepada pelajar UniMAP setiap tahun.
28. Cetusan idea antara Unit Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan Pusat ICT UniMAP ini merupakan antara nilai-nilai proaktif yang sering saya tekankan yang perlu ada dalam minda setiap pentadbir bagi memastikan semua pelajar mendapat perkhidmatan kelas pertama ataupun setanding dengan IPT lain.

29. Saya difahamkan sistem ini bakal digunakan sepenuhnya oleh Hospital Tunku Fauziah, Kangar berkuatkuasa 1 April 2014 dan hospital ini merupakan Hospital perintis kepada sistem ini. Saya berharap ia bakal menjadi nilai tambah utama kepada usaha-usaha penjenamaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.
30. Saya juga amat berharap pihak HEPA dapat memberikan pendedahan yang menyeluruh berkaitan kewujudan kemudahan sistem ini agar dapat digunakan sebaiknya oleh para pelajar. Adalah menjadi hasrat saya agar sistem ini dapat diperluaskan di seluruh Malaysia.

Hadirin sekalian,

### **PENUTUP**

31. Akhir kalam, kepada semua penerima-penerima anugerah pada malam ini, Tahniah sekali lagi saya ucapkan. Pada yang tidak berjaya, usahlah sedih dan kecewa sebaliknya teruslah menanamkan rasa cemburu yang positif untuk terus berusaha gigih untuk mencipta kejayaan dan rekod peribadi sendiri di luar sana.

***”Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini melancarkan Sistem Electronic Guarantee Letter”***

Sekian, Terima kasih.